

# 4,000 sertai sembahyang jenazah Almarhum

UM 23 NOV 2001

KUALA LUMPUR 22 Nov. - Lebih 4,000 umat Islam menyertai upacara sembahyang jenazah Yang di-Pertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Masjid Negara hari ini.

Sembahyang yang diimamkan oleh Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Hashim Yahya itu dimulakan tepat pukul 8.20 pagi.

Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Mizan Zainal Abidin dan Pemangku Raja Selangor, Tengku Idris Shah adalah antara yang menyertai upacara sembahyang itu.

Ia turut disertai oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi serta menteri kabinet yang beragama Islam.

Sebelum itu, jenazah Seri Paduka dibawa dari Istana Selangor pada pukul 8 pagi selepas selesai dimandi dan dikafankan.

Sebaik selesai disembahyangkan, jenazah Almarhum Sultan Salahuddin dibawa ke Istana Negara untuk membolehkan rakyat dan orang kenamaan memberikan penghormatan terakhir.